



# MANHAJ SARJANA HADITH DALAM MENENTUKAN 'ILLAH DALAM PERIWAYATAN AL-TAFARRUD: KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA SARJANA MUTAQADDIMIN DAN MUTA'AKHKHIRIN

(The Methodology of Hadith Scholars in Identifying 'Illah in the Narration of al-Tafarrud: A Comparative Study Between Mutaqaddimin and Muta'akhhirin Scholars)

Mohd Aizul bin Yaakob<sup>1</sup>, Roshimah binti Shamsudin<sup>2</sup>

<sup>1</sup>PhD Candidate, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, <sup>2</sup>Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia,

## Abstract

There are differences in methods engaged by the *mutaqaddimin* as opposed to the *muta'akhhirin* hadith scholars in deriving the 'illah of the hadith narrations by way of *al-tafarrud*. This distinction can be seen through two main aspects, namely the method of determining the 'illah and the terminology used to describe the existence of 'illah in the narration of a hadith via *tafarrud*. Hence this article aims to examine both aspects that are contained in the methodologies employed by both the *mutaqaddimin* and the *muta'akhhirin* hadith scholars in deriving 'illah in *tafarrud* hadiths. In order to achieve these objectives, a qualitative study was conducted to procure the data through library research. The data was then analyzed based on inductive and deductive methods. The findings show that the *mutaqaddimin* hadith scholars determine 'illah based on circumstantial evidence (*qarinah*) which shows there had been *wahn* in the concerned narration. The *muta'akhhirin* hadith scholars on the other hand define 'illah based on two main characteristics, namely the position of the narrators and the existence of the divergent textual-understanding element (*al-mukhalafah*) with other narrators.

**Kata Kunci:** methodology, narration of *al-tafarrud*, hadith scholars, 'illah, *mutaqaddimin*, *muta'akhhirin*.

## Article Progress

Received: 15 July 2019  
Revised: 1 October 2019  
Accepted: 4 November 2019

\*Corresponding Author:  
Roshimah binti Shamsudin,  
Pusat Pengajian Ilmu  
Kemanusiaan, Universiti Sains  
Malaysia.  
Email: roshimah@usm.my

## PENDAHULUAN

Periwayatan hadith secara *tafarrud* oleh seseorang perawi seringkali dibincangkan oleh sarjana hadith dalam karya-karya mereka. Selain perbincangan mengenainya dalam karya-karya *'ulum al-hadith* induk yang dijadikan sebagai satu bab yang berasingan seperti yang dapat dilihat dalam *Ma'rifah 'Ulum al-Hadith* oleh al-Hakim, *Muqaddimah Ibn al-Salah* oleh Ibn al-Salah dan *Tadrib al-Rawi* oleh al-Suyuti, terdapat juga karya-karya khusus yang berkaitan dengannya telah dihasilkan, antaranya seperti *al-Afrad* karangan al-Daraqutni dan Abu Hafs bin Syahin.<sup>1</sup> Selaras dengan itu juga, menurut Hamzah al-Malyabari, *al-tafarrud* turut disentuh oleh tokoh-tokoh hadith dalam kitab-kitab *rijal* iaitu ketika membahaskan latar belakang perawi tertentu, antaranya *al-Tarikh al-Kabir* karangan al-Bukhari, *al-Kamil fi Du'afa' al-Rijal* karangan Ibn 'Adi dan *al-Du'afa'* karangan al-'Uqayli.<sup>2</sup> Kenyataan ini secara tidak langsung memberi indikasi bahawa *al-tafarrud* menjadi antara perbincangan yang signifikan dalam kalangan ulama hadith sejak dahulu lagi.

<sup>1</sup> Muhammad bin Ja'far al-Kattani, (1993), *al-Risalah al-Mustatrafah li Bayan Masyhur Kutub al-Sunnah al-Musyarrafah*, tahqiq Muhammad al-Muntasir bin Muhammad al-Zamzami, c.5, Beirut: Dar al-Basya'ir al-Islamiyah, h. 114.

<sup>2</sup> Hamzah 'Abd Allah al-Malyabari (2003), *Nazarat Jadidah fi 'Ulum al-Hadith*, c. 2, Beirut: Dar Ibn Hazm, h.234.

Secara lebih spesifik, elemen *al-tafarrud* dalam sesuatu periwayatan hadith sentiasa mendapat perhatian yang serius dalam kalangan para sarjana hadith disebabkan oleh pertaliannya dengan *'illah* yang berlaku dalam periwayatan hadith. Dalam erti kata lain, kewujudan *'illah* dalam sesuatu periwayatan hadith secara tidak langsung akan mempengaruhi status riwayat tersebut.<sup>3</sup> Dalam hal ini, penelitian terhadap pendirian para sarjana hadith ketika menta'*lilkan* periwayatan *al-tafarrud* mendapati telah berlaku perbezaan manhaj di antara sarjana hadith *mutaqaddimin* dan *muta'akhhirin*. Perbezaan ini dilihat daripada dua aspek utama iaitu kaedah penta'*lilan* dan istilah yang dipakai dalam penta'*lilan*. Justeru, artikel ini akan menggariskan titik perbezaan di antara *huffaz mutaqaddimin* dan sarjana *muta'akhhirin* melalui dua aspek tersebut.

### DEFINISI AL-TAFARRUD

Menurut bahasa *al-tafarrud* merupakan kata terbitan daripada perkataan *tafarrada, yatafarradu, tafarruda*.<sup>4</sup> Kalimah ini berasal daripada kata akar "*farada*" (فرد) yang membawa maksud *al-witr* iaitu ganjil.<sup>5</sup> Ibn Faris (m. 395 H) dalam *Maqayis al-Lughah* menjelaskan bahawa kalimah *farada* berasal daripada huruf *al-fa'*, *al-ra'* dan *al-dal* (ف ر د) yang menunjukkan tunggal.<sup>6</sup> Manakala menurut al-Raghib (m. 502 H), kalimah "*farada*" membawa maksud bersendirian iaitu tidak bercampur dengan selainnya, dan kalimah ini lebih umum daripada *al-witr* dan lebih khusus daripada *al-wahid*.<sup>7</sup> Jamak kepada kalimah ini adalah *afrad* dan *furada*.<sup>8</sup> Melalui pandangan-pandangan yang telah diutarakan di atas, didapati bahawa kesemuanya membawa satu pengertian yang sama iaitu bersendirian dan tunggal. Manakala daripada sudut istilah, *al-tafarrud* membawa maksud sesuatu hadith yang datang melalui jalan seorang perawi tanpa diiringi oleh perawi-perawi yang lain dan berlaku dalam beberapa kemungkinan iaitu sama ada pada asal hadith (*mutlaq*) atau sebahagian daripadanya (*nisbi*), berlaku pertembungan (*al-mukhalafah*) ataupun tidak, berlaku tambahan (*al-ziyadah*) ataupun tidak, berlaku pada sanad ataupun matan, dan melalui perawi yang *thiqah* ataupun tidak.<sup>9</sup>

### ALIRAN MANHAJ MUTAQADDIMIN DAN MUTA'AKKHIRIN

Sebelum perbincangan detil berkenaan penta'*lilan al-tafarrud*, kajian ingin menjelaskan terlebih dahulu secara umum tentang kewujudan dua aliran utama dalam dunia kritikan hadith iaitu aliran *mutaqaddimin* dan *muta'akhhirin*. Meskipun pembahagian ini pernah ditentang oleh sebahagian pengkaji hadith moden,<sup>10</sup> namun hakikatnya ianya telah disentuh oleh ramai sarjana silam seperti al-Hakim (m. 405 H), Ibn al-Salah (m. 643 H), al-Nawawi (m. 676 H), al-'Alla'i (m. 761 H), al-Dhahabi (m. 748 H), al-Sakhawi (m. 902 H), al-Suyuti (m. 911 H) dan ramai lagi di dalam karya-karya mereka dan mengisytiharkan terdapatnya perbezaan manhaj bagi dua aliran ini.<sup>11</sup>

<sup>3</sup> Ibn al-Salah, Abu 'Amr bin 'Uthman al-Syahrastari, (2002), *Ma'rifah Anwa' 'Ilm al-Hadith* tahqiq 'Abd al-Latif al-Hamim & Mahir Yasin al-Fahl, c. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 79.

<sup>4</sup> Ahmad al-'Ayid et.al, (t.t), *Al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*, T.T: *Munazzamah al-'Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al-'Ulum*, h. 924.

<sup>5</sup> Ibn Manzur (t.t.), *Lisan al-'Arab*, tahqiq 'Abd Allah 'Ali al-Kabir, et.al., Kaherah: Dar al-Ma'arif, j. 38, h. 3373

<sup>6</sup> Abu al-Husayn Ahmad bin Faris bin Zakariyya (t.t.), *Maqayis al-Lughah* tahqiq 'Abd al-Salam Muhammad Harun, T.T: Dar al-Fikr, j. 4, h. 500.

<sup>7</sup> Abu al-Qasim al-Husayn bin Muhammad, al-Raghib al-Asfahani (t.t.), *Al-Mufradat fi Gharib al-Quran* tahqiq Muhammad Sayyid Kaylani, T.T.P.: T.T, Kitab al-Fa', h. 375.

<sup>8</sup> *Ibid.*, Ibn Manzur (t.t.), *Lisan al-'Arab*, j. 38, h. 3373.

<sup>9</sup> 'Abd al-Jawad Hamam (2008), *Al-Tafarrud fi Riwayah al-Hadith wa Manhaj al-Muhaddithin fi Qabulihi aw Raddihi (Dirasah Ta'siliyyah Tatbiqiyah)*, c.1, Damsyiq: Dar al-Nawadir, h. 90.

<sup>10</sup> Menurut 'Ukasyah 'Abd al-Manan al-Tibi, antara pengkaji semasa yang menolak pembahagian ini adalah Nasir al-Din al-Albani (m. 1420 H). Beliau menyatakan bahawa pembahagian ini dibuat oleh pemuda yang baru mengenali ilmu hadith dan *mustalahnya* secara teori namun tidak pernah mempraktikkannya. Lihat 'Ukasyah 'Abd al-Manan al-Tibi (1994), *Fatawa al-Syeikh al-Albani wa Muqaranatuha bi Fatawa al-'Ulama'*, c. 1, Kaherah: Maktabah al-Turath al-Islami, h. 160; Lihat juga perbincangan yang dibawa oleh Muhammad bin 'Umar bin Salim Bazmul dalam *Mustalah Manhaj Mutaqaddimin wa Muta'akhhirin Munaqasyat wa Rudud*.

<sup>11</sup> 'Abd al-Jawad Hamam (2008), *Al-Tafarrud fi Riwayah al-Hadith wa Manhaj al-Muhaddithin fi Qabulihi aw Raddihi (Dirasah Ta'siliyyah Tatbiqiyah)*, h. 45-59; Hamzah 'Abd Allah al-Malyabari (2003), *Nazarat Jadidah*

Istilah *mutaqaddimin* dan *muta'akhhirin* merupakan kata jamak bagi perkataan *mutaqaddim* dan *muta'akhhir* yang merujuk kepada sarjana hadith klasik dan terkemudian. Berlaku perbezaan pandangan dalam kalangan pengkaji dalam meletakkan justifikasi pembatas antara dua kelompok sarjana ini. Sebahagian daripada mereka berpandangan bahawa sarjana hadith *mutaqaddimin* adalah mereka yang hidup pada zaman periwayatan hadith iaitu bermula pada zaman Sahabat sehingga akhir kurun kelima hijri, manakala *muta'akhhirin* adalah mereka yang hidup pada zaman selepasnya.<sup>12</sup> Pendirian ini pernah disyaratkan oleh al-'Alla'i (m. 761 H) melalui tindakannya yang memasukkan nama sarjana yang berada pada akhir kurun ke-empat iaitu al-Daraqutni (m. 385 H) dan pertengahan kurun ke-lima iaitu al-Bayhaqi (m. 458 H) di dalam senarai sarjana *mutaqaddimin*.<sup>13</sup> Selain itu Ibn Hajar (m. 852 H) juga pernah mengisyaratkan hal ini melalui perkataannya yang berbunyi: "...dan adapun *muta'akhhirin* mereka adalah sarjana yang berada selepas lima ratus tahun dan seterusnya...".<sup>14</sup> Tindakan dan perkataan dua tokoh di atas secara tidak langsung menjadi indikasi had pemisah antara *mutaqaddimin* dan *muta'akhhirin*.

Biarpun begitu sebahagian sarjana lain berpandangan bahawa sempadan masa antara *mutaqaddimin* dan *muta'akhhirin* adalah bermula dari era Sahabat sehingga akhir kurun ketiga hijri.<sup>15</sup> Ia berdasarkan kepada beberapa isyarat yang dikemukakan oleh sebahagian sarjana dan salah satu daripadanya adalah melalui perkataan al-Dhahabi (m. 748 H) di dalam *Mizan al-'I'tidal* yang berbunyi: "...had pembatas di antara sarjana *mutaqaddim* dan *muta'akhhir* adalah tiga ratus tahun...".<sup>16</sup> Sehubungan daripada pendirian ini maka para sarjana yang berada selepas tiga ratus tahun hijri tidak disenaraikan sebagai *mutaqaddimin* melainkan al-Nasa'i (m. 303 H) dan Ibn Khuzaymah (m. 311 H).<sup>17</sup> Menurut 'Abd al-Qadir al-Muhammadi, dua tokoh ini disenaraikan sebagai *mutaqaddimin* kerana beberapa alasan iaitu majoriti keseluruhan hidup mereka adalah pada kurun ke-tiga hijri, karya-karya mereka ditulis pada akhir kurun ketiga hijri dan mereka berdua bersama-sama mengambil ilmu dengan mereka yang berada pada kurun ketiga hijri.<sup>18</sup> Contohnya al-Nasa'i pernah berguru dengan guru al-Bukhari (m. 254 H) dan Muslim (m. 261 H) seperti Muhammad bin Basyar (m. 252 H), Muhammad bin al-Muthanna (m. 215 H), Qutaybah bin Sa'id (m. 240 H) dan ramai lagi.<sup>19</sup> Demikian juga Ibn Khuzaymah pernah berguru dengan guru al-Bukhari dan Muslim seperti Ishaq bin Rahuyah (m. 238 H), Mahmud bin Ghaylan (m. 249 H), Ahmad bin Muni' (m. 244 H), Yunus bin 'Abd al-A'la (m. 264 H) dan ramai lagi.<sup>20</sup>

Sekalipun berlaku perbezaan pandangan di sisi pengkaji moden berkenaan batas masa pemisah di antara *mutaqaddimin* dan *muta'akhhirin* namun mereka bersepakat tentang satu perkara iaitu pemisah paling ketara bagi kedua-dua aliran ini adalah metodologi kritikan hadith.<sup>21</sup> Dalam erti kata yang lain, aliran *mutaqaddimin* dan *muta'akhhirin* masing-masing memiliki manhaj tersendiri dalam beberapa isu

fi 'Ulum al-Hadith, h. 13-16; Al-Harith bin 'Ali al-Hasani (t.t.), *Muntaqa al-Alfaz bi Taqrib 'Ulum al-Hadith li al-Huffaz*, c. 2, T.T: Maktabah Dar al-Bayan, h. 454-455; Ahmad bin Muhammad al-Khalil (2008), *Mustadrak al-Ta'wil 'ala Irwa' al-Ghalil*, c. 1, Dar Ibn al-Jawzi, h. 10-16.

<sup>12</sup> Hamzah 'Abd Allah al-Malyabari, (2003), *Nazarat Jadidah fi 'Ulum al-Hadith*, h. 13.

<sup>13</sup> Al-Zarkasyi, Badr al-Din Abi 'Abd Allah Muhammad bin Jamal al-Din 'Abd Allah bin Bahadir (1998), *al-Nukat 'ala Muqaddimah Ibn al-Salah tahqiq Zayn al-'Abidin bin Muhammad*, c. 1, Riyadh: Maktabah Adwa' al-Salaf, j. 2, h. 267.

<sup>14</sup> Ibn Hajar al-'Asqalani (1994), *Al-Nukat 'ala Kitab Ibn al-Salah tahqiq Rabi' bin Hadi*, c. 3. Riyadh: Dar al-Rayah, h. 586.

<sup>15</sup> 'Abd al-Qadir Mustafa 'Abd al-Razzaq al-Muhammadi (2005), *Al-Syadh wa Munkar wa Ziyadah al-Thiqah Muwazanah bayn al-Mutaqaddimin wa Muta'akhhirin*, c. 1, Beirut: Dar al-Kutub 'Ilmiyyah, h. 17.

<sup>16</sup> Al-Dhahabi, Abu 'Abd Allah Ahmad bin Muhammad bin 'Uthman (t.t.), *Mizan al-'I'tidal fi Naqd al-Rijal tahqiq 'Ali Muhammad al-Bajawi*, Beirut: Dar al-Ma'rifah, j. 4, h. 4.

<sup>17</sup> 'Abd al-Qadir Mustafa 'Abd al-Razzaq al-Muhammadi (2005), *Al-Syadh wa Munkar wa Ziyadah al-Thiqah Muwazanah bayn al-Mutaqaddimin wa Muta'akhhirin*, h. 17.

<sup>18</sup> *Ibid.*

<sup>19</sup> *Ibid.*

<sup>20</sup> *Ibid.*

<sup>21</sup> Umar Muhammad Noor, et.al, Aliran Ihya' Manhaj Mutaqaddimin Dan Pembaharuan Wacana Kritik Hadis Moden, *HADIS: International Reviewed Academic Journal*, Vol. 6, No. 12, December 2016, h. 54.

kritikan hadith. Oleh kerana asas utamanya adalah metodologi, maka setiap sarjana yang berada pada zaman mana sekalipun akan dianggap sebagai pendokong aliran tertentu sekiranya mengikuti metodologi kritikan mereka.<sup>22</sup> Justeru bukanlah sesuatu yang menghairankan apabila terdapat segelintir sarjana yang hidup pada zaman *muta'akhkhirin* tetapi dianggap sebagai beraliran *mutaqaddimin* seperti Ibn 'Abd al-Hadi (m. 744 H), al-Dhahabi (m. 748 H), Ibn Rajab (m. 795 H) dan ramai lagi.

### MANHAJ PENTA'LILAN AL-TAFARRUD MENURUT ALIRAN MUTAQADDIMIN DAN MUTA'AKHKHIRIN

Kewujudan elemen *al-tafarrud* dalam periwayatan hadith adakalanya memiliki kaitan yang sangat erat dengan disiplin ilmu *'ilal al-hadith*. Hal yang demikian diakui oleh kebanyakan sarjana sama ada mereka yang beraliran *mutaqaddimin* atau *muta'akhkhirin*. Pada umumnya, hadith-hadith yang dikaitkan dengan *'illah* atau disebut sebagai hadith *al-mu'al* adalah berpunca dari kesilapan perawi yang meriwayatkan hadith tersebut.<sup>23</sup> Justeru, kesilapan ini biasanya dikesan oleh para sarjana antaranya melalui kewujudan elemen *al-tafarrud* dalam periwayatan itu. Kenyataan ini dinyatakan secara jelas oleh Ibn al-Salah (m. 643 H) di dalam *Ma'rifah Anwa' 'Ilm al-Hadith* seperti berikut: "...dan dibantu untuk mengesan *'illah* adalah melalui *al-tafarrud* perawi dan *al-mukhalafah* dengan perawi lain di samping *qarinah* yang menunjukkan tentang itu...".<sup>24</sup> Malah Ibn Rajab (m. 795 H) di dalam *Syarh 'Ilal al-Tirmidhi* juga pernah menyatakan bahawa para sarjana *mutaqaddimin* mengistilahkan kewujudan elemen *al-tafarrud* dalam periwayatan hadith dengan istilah *innahu la yutaba' 'alayh* dan mereka menjadikannya sebagai satu *'illah* pada sebahagian keadaan.<sup>25</sup>

Sungguhpun kedua-dua aliran ini mengakui bahawa sebahagian elemen *al-tafarrud* membawa kepada *'illah*, namun manhaj mereka berbeza dalam menentukan kewujudan *'illah* dalam periwayatan *al-tafarrud*.<sup>26</sup> Setiap daripada dua aliran ini memiliki manhaj kritikan mereka tersendiri dan sudah tentu keadaan ini akan menatijahkan sesuatu yang berbeza khusus terhadap status sesuatu hadith yang bertafarrud. Contoh ringkas bagi menggambarkan perbezaan manhaj penentuan *'illah* yang menatijahkan status yang berbeza bagi dua aliran ini adalah seperti penilaian hadith berikut:<sup>27</sup>

مَنْ مَلَكَ ذَا رَجْمٍ مَحْرَمٍ فَهُوَ حُرٌّ<sup>28</sup>

<sup>22</sup> *Ibid.*

<sup>23</sup> Nur al-Din 'Itr (2013), *Lamahat Mujazah fi Usul 'Ilal al-Hadith*, c. 1, Kaherah: Dar al-Salam, h. 50; 'Abd al-Jawad Hamam (2008), *Al-Tafarrud fi Riwayah al-Hadith wa Manhaj al-Muhaddithin fi Qabulihi aw Raddihi (Dirasah Ta'siliyyah Tatbiqiyah)*, h. 143.

<sup>24</sup> Ibn al-Salah (2002), *Ma'rifah Anwa' 'Ilm al-Hadith*, h. 187.

<sup>25</sup> Ibn Rajab al-Hanbali (2014), *Syarh 'Ilal al-Tirmidhi* tahqiq Nur al-Din 'Itr, c. 2, j. 1, Kaherah: Dar al-Salam, h. 352-353.

<sup>26</sup> Terdapat beberapa isu yang wujud perbezaan antara *manhaj* kritikan hadith *mutaqaddimin* dan *muta'akhkhirin* antaranya seperti *al-tafarrud*, *ziyadah al-thiqah*, *al-tadlis*, *al-jahalah*, *taqwiyah al-hadith al-Da'if*, *al-syuyudh wa al-nakarah* dan sebagainya. Lihat perbincangan di dalam Al-Harith bin 'Ali al-Hasani (t.t.), *Muntaqa al-Alfaz bi Taqrib 'Ulum al-Hadith li al-Huffaz*, h. 456-480; Ahmad bin Muhammad al-Khalil (2008), *Mustadrak al-Ta'lil 'ala Irwa' al-Ghalil*, h. 10-11; Lihat juga perbincangan keseluruhan kitab 'Abd al-Qadir Mustafa 'Abd al-Razzaq al-Muhammadi iaitu kitab yang berjudul *Al-Syadh wa Munkar wa Ziyadah al-Thiqah Muwazanah bayn al-Mutaqaddimin wa Muta'akhkhirin*; Nasir Hamad al-Fahd (2001), *Manhaj al-Mutaqaddimin fi al-Tadlis*, c. 1, Riyadh: Adwa' al-Salaf.

<sup>27</sup> Ibrahim bin 'Abd Allah al-Lahim (t.t.), *Muqaranah al-Marwiyyat*, c. 1, Beirut: Muassasah al-Rayyan, j. 1, h. 317-319.

<sup>28</sup> Al-Tirmidhi (2000), *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif Kutub al-Sittah, Jami' al-Tirmidhi bi Isyraf wa Muraja'ah Salih bin 'Abd al-'Aziz bin Muhammad Ibrahim Alu Syaykh, Kitab al-Ahkam, Bab ma Ja'a fi man Malak Dha Rahim Mahram*, c. 3. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nasyr wa al-Tawzi', no. Hadith: 1365, h. 1789.

Hadith ini diriwayatkan oleh Damrah bin Rabi'ah dari Sufyan al-Thawri dari 'Abd Allah bin Dinar dari Ibn 'Umar dari Nabi s.a.w.<sup>29</sup> Al-Tirmidhi (m. 279 H) memberikan komentarnya terhadap sanad ini dengan berkata: “*la yutaba' Damrah bin Rabi'ah 'ala hadha al-Hadith, wa huwa hadith khata' 'inda ahl al-hadith.*”<sup>30</sup> Berdasarkan kepada komentar ini jelas menunjukkan bahawa al-Tirmidhi selaku salah seorang dari sarjana *mutaqaddimin* menta'likan sanad ini kerana Damrah bin Rabi'ah bertafarrud dalam meriwayatkannya.

Penta'lilan ini sebenarnya tidak dipersetujui oleh sebahagian sarjana *muta'akhhirin*.<sup>31</sup> Hal yang demikian kerana di sisi mereka Damrah adalah *thiqah* dan sesuatu hadith itu adalah sahih sekiranya diriwayatkan oleh perawi *thiqah*.<sup>32</sup> Sehubungan itu *al-tafarrud* yang berlaku dari Damrah bukanlah 'illah di dalam sanad ini.<sup>33</sup>

Perbezaan penilaian dari dua aliran di atas jelas membuktikan bahawa kedua-duanya memiliki manhaj penta'lilan yang berbeza di antara satu dengan yang lain. Oleh itu dalam kajian ini pengkaji akan bentangkan titik perbezaan ini, iaitu seperti berikut:

### MANHAJ PENTA'LILAN MUTAQADDIMIN

Umumnya, kajian mendapati bahawa manhaj penta'lilan *al-tafarrud* di sisi sarjana yang beraliran *mutaqaddimin* adalah berasaskan kepada penelitian secara menyeluruh terhadap setiap *qarinah* atau petunjuk yang menunjukkan kesilapan pada perawi yang bertafarrud tersebut.<sup>34</sup> Manhaj ini secara tidak langsung menjadikan setiap perawi yang bertafarrud berpotensi untuk dita'likan meskipun ia dari kalangan perawi yang *thiqah*. Hal yang demikian sebagaimana pernah diisyaratkan oleh Ibn Rajab (m. 795 H) di dalam *Syarh 'Ilal al-Tirmidhi* seperti berikut:

“...dan kebanyakan huffaz al-mutaqaddimin menyifatkan sesuatu hadith yang bertafarrud padanya seorang perawi dan tidak berlaku al-mukhalafah dengan perawi-perawi *thiqah* yang lain sebagai la yutaba' 'alayh dan mereka menjadikan keadaan tersebut sebagai 'illah padanya. Kecuali apabila berlaku kepada perawi yang terkenal dengan hafazan dan ke'adilannya seperti al-Zuhri dan lain-lain. Boleh jadi juga para huffaz al-mutaqaddimin turut menyifatkan munkar kepada hadith yang bertafarrud sekalipun dari perawi-perawi *thiqah* yang kibar. Bagi mereka setiap hadith memiliki kritiknya yang tersendiri dan tiada padanya satu kaedah yang tertentu.”<sup>35</sup>

Berdasarkan nukilan di atas, Ibn Rajab menyatakan bahawa para *huffaz mutaqaddimin* menjadikan elemen *al-tafarrud* pada asalnya sebagai satu 'illah meskipun daripada perawi *thiqah*. Namun begitu, penilaian ini boleh berubah sekiranya terdapat *qarinah* yang menunjukkan sebaliknya seperti *al-tafarrud* dari seorang yang terkenal dengan hafalannya seperti al-Zuhri (m. 124 H). Sehubungan daripada nukilan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa penilaian mereka sangat bergantung kepada kecenderungan *qarinah* yang wujud dalam periwayatan tersebut. Oleh kerana itu, sekiranya *qarinah* tersebut menunjukkan kesilapan perawi yang bertafarrud sama ada secara sengaja atau tidak disengajakan maka mereka akan menta'likan periwayatan tersebut. Justeru, *qarinah-qarinah* tersebut adalah seperti berikut:

<sup>29</sup> Al-Tirmidhi menyatakan sanad ini selepas beliau mendatangkan hadith ini dengan sanad yang lain iaitu dari 'Abd Allah bin Mu'awiyah dari Hammad bin Salamah dari Qatadah dari al-Hasan dari Samurah dari Nabi SAW. Lihat *Ibid.*

<sup>30</sup> *Ibid.*

<sup>31</sup> Abu Muhammad 'Abd al-Haq al-Asybili (1995), *Al-Ahkam al-Wusta min Hadith al-Nabi Salla Allah 'alayhi wa Sallam* tahqiq Hamdi al-Silafi et.al, Riyadh: Maktabah al-Rusyd, j. 4, h. 15.

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> *Ibid.*

<sup>34</sup> Tariq 'Iwad Allah (2017), *Syarh al-Alfiyah al-Hadithiyyah al-Musammah bi Lughah al-Muhaddith al-Kubra*, c. 1, j. 2, Kaherah: Dar Ibn 'Affan, h. 158; 'Abd al-Jawad Hamam (2008), *Al-Tafarrud fi Riwayah al-Hadith wa Manhaj al-Muhaddithin fi Qabulihi aw Raddihi (Dirasah Ta'siliyyah Tatbiqiyyah)*, h. 576; Mahir Yasin al-Fahl (2009), *Athar Ikhtilaf al-Asanid wa al-Mutun fi Ikhtilaf al-Fuqaha'*, h. 92.

<sup>35</sup> Ibn Rajab al-Hanbali (2014), *Syarh 'Ilal al-Tirmidhi*, j. 1, h. 352-353.

1) Perawi yang bertafarrud dari kalangan *al-muqillin*

Istilah *al-muqillin* adalah merujuk kepada perawi yang sedikit meriwayatkan hadith Nabi SAW.<sup>36</sup> Biasanya perawi yang berada dalam kategori ini adalah dari kalangan mereka yang kurang dikenali sebagai *ahl al-rihlah*. Dengan keadaan seperti ini logiknya tidak mungkin perawi tersebut boleh meriwayatkan sesuatu hadith yang tidak dimiliki oleh perawi lain. Justeru *al-tafarrud* dari mereka pasti akan menimbulkan keraguan di sisi para *nuqqad*. Keadaan ini berbeza dengan *al-tafarrud* yang berlaku pada perawi yang banyak meriwayatkan hadith atau *al-mukthirin*. Ini kerana kebarangkalian untuk mereka bertafarrud itu besar kerana luasnya perjalanan mereka dalam mencari hadith-hadith Nabi SAW. Oleh kerana itu ‘Abd Allah bin Yusuf al-Juday’ di dalam *Tahrir ‘Ulum al-Hadith* pernah menyatakan bahawa *al-tafarrud* yang berlaku dari perawi yang luas periwayatannya seperti al-Zuhri maka ia tidak diingkari.<sup>37</sup> Namun apabila berlaku sebaliknya iaitu dari mereka yang sedikit periwayatannya maka *al-tafarrud* darinya perlu diteliti.<sup>38</sup>

## 2) Perawi bukan dari kalangan murid kanan syeikh

*Qarinah* kedua yang dijadikan oleh *nuqqad* bagi sesetengah keadaan untuk menunjukkan kesilapan perawi yang bertafarrud adalah apabila perawi tersebut bukan daripada kalangan murid kanan syeikh. Bukan murid kanan syeikh yang dimaksudkan di sini adalah bukan murid yang sentiasa bermulazamah dengan syeikh tersebut. Biasanya setiap syeikh memiliki murid-murid yang rapat dan sentiasa bermulazamah dengannya. Keadaan sedemikian seringkali digambarkan oleh para *nuqqad* khususnya dalam karya-karya yang membicarakan tentang *rijal*, *al-‘ilal* dan sebagainya. Sebagai contoh Ibn Ma‘in (m. 231 H) pernah menyatakan bahawa *ashab* yang paling *athbat* bagi Sufyan al-Thawri ada lima iaitu Yahya bin Sa‘id (m. 198 H), Waki‘ bin al-Jarrah (m. 197 H), ‘Abd Allah bin al-Mubarak (m. 181 H), ‘Abd al-Rahman bin Mahdi (m. 198 H) dan Abu Nu‘aym al-Fadl bin Dukayn (m. 219 H).<sup>39</sup> Justeru lima tokoh yang dinyatakan ini merupakan perawi yang paling mengetahui tentang hadith Sufyan al-Thawri berbanding perawi-perawi yang lain. Oleh kerana itu sekiranya terdapat mana-mana perawi lain yang bertafarrud dari Sufyan al-Thawri dalam keadaan tidak diketahui oleh lima tokoh di atas, maka sudah pasti *al-tafarrud* darinya akan menimbulkan keraguan.

3) Berlaku *al-tafarrud* pada *tabaqah muta‘akhhirah*

*Al-Tafarrud* dalam periwayatan hadith boleh berlaku sama ada pada *tabaqah muta‘aqaddimah* atau *muta‘akhhirah*. *Tabaqah muta‘aqaddimah* merupakan *tabaqah* permulaan periwayatan iaitu *tabaqah Sahabat* dan *tabi‘in*. Manakala *tabaqah muta‘akhhirah* pula adalah *tabaqah* selepas *tabi‘in*. *Tabaqah* perawi yang bertafarrud juga merupakan salah satu daripada aspek penting yang diteliti oleh *nuqqad* sebelum memutuskan sama ada ianya diterima atau ditolak. Biasanya periwayatan *al-tafarrud* yang berlaku pada *tabaqah muta‘akhhirah* merupakan salah satu daripada *qarinah* yang mungkin menunjukkan kesilapan perawi. Hal yang demikian kerana pada *tabaqah* tersebut memperlihatkan aktiviti periwayatan hadith begitu aktif dalam kalangan para penuntut ilmu hadith, di samping jalur-jalur sanad bercambah dan tersebar luas.<sup>40</sup> Dalam keadaan seperti ini agak mustahil seorang perawi itu boleh bertafarrud dalam periwayatannya. Oleh kerana itu sekiranya *al-tafarrud* tetap berlaku pada *tabaqah* ini maka para *nuqqad* akan memberi perhatian yang lebih serius untuk meneliti periwayatan tersebut dari pelbagai aspek kerana dibimbangi ia berpunca dari kesilapan daripada perawi tersebut.<sup>41</sup>

<sup>36</sup> Sayyid ‘Abd al-Majid al-Ghawri (2007), *Mu‘jam al-Mustalahat al-Hadithiyyah*, c. 1, Beirut: Dar Ibn Kathir, h. 769; Tariq ‘Iwad Allah (2002), *Syarh Lughah al-Muhaddith Manzumah fi ‘Ilm Mustalah al-Hadith*, h. 327.

<sup>37</sup> ‘Abd Allah bin Yusuf al-Juday’ (2003), *Tahrir ‘Ulum al-Hadith*, c. 1, Beirut: Muassasah al-Rayyan, h. 781.

<sup>38</sup> *Ibid.*

<sup>39</sup> Ibn Rajab al-Hanbali (2014), *Syarh ‘Ilal al-Tirmidhi*, j. 2, h. 538.

<sup>40</sup> Hamzah ‘Abd Allah al-Malyabari (2001), *Al-Muwazanah Bayna al-Muta‘aqaddimin wa al-Mutakhirin fi Tashih al-Ahadith wa Ta‘lilihah*, c. 2, Beirut: Dar Ibn Hazm, h. 79; Lihat juga perbincangan di dalam Ibrahim bin ‘Abd Allah al-Lahim (2012), *Muqaranah al-Marwiyyat*, j. 1, h. 298.

<sup>41</sup> *Ibid.*

4) Berlaku *al-tafarrud* dari perawi yang bukan dari kalangan *thiqah* yang *mutqin*

Tahap *kethiqahan* seseorang perawi berbeza di antara satu dengan yang lain. Ada dalam kalangan mereka dikategorikan sebagai *thiqah* sahaja dan ada juga dikategorikan sebagai *thiqah* yang *mutqin*. Pada kebiasaannya para *nuqqad* membezakan kedudukan ini dengan istilah-istilah tertentu yang disifatkan kepada perawi-perawi tersebut.<sup>42</sup> Kedudukan ini umumnya memberi pengaruh yang sangat besar terhadap penilaian periwayatan *al-tafarrud* khususnya di sisi sarjana *mutaqaddimin*. Bagi mereka sekiranya seseorang perawi itu hanya semata-mata disifatkan sebagai *thiqah* sahaja maka *al-tafarrud* darinya masih perlu dicermati malah besar kemungkinan ia akan dita'likan. Al-Dhahabi (m. 748 H) di dalam *al-Muqizah* pernah menyatakan bahawa para *huffaz mutaqaddimin* menilai *al-tafarrud* dari perawi seperti Husyaym bin Basyir (m. 183 H) dan Hafis bin Ghiyath (m. 194/195 H) sebagai *munkar*.<sup>43</sup> Umumnya kedua-dua perawi ini adalah *thiqah* tetapi tidak sampai kepada tahap *thiqah* yang *mutqin* kerana masih terdapat ruang kritikan yang diberikan oleh *nuqqad* kepada mereka.<sup>44</sup>

Masih banyak lagi *qarinah* lain yang diambilkira oleh sarjana yang beraliran *mutaqaddimin* dalam penta'lian mereka terhadap periwayatan *al-tafarrud*. Empat *qarinah* yang dinyatakan di atas hanyalah sebahagian sahaja yang biasa diperhalusi dan diteliti oleh mereka. Selain itu juga perlu dijelaskan di sini bahawa setiap *qarinah* yang dinyatakan ini bukanlah bersifat mutlak dan sesuai untuk diaplikasikan pada keseluruhan riwayat *al-tafarrud*. Ini kerana proses penilaian tersebut perlu mengambilkira kondisi dan keadaan setiap periwayatan tersebut yang sememangnya berbeza di antara satu dengan yang lain. Keadaan ini bertepatan dengan perkataan Ibn Rajab sebagaimana pernah dinukilkan di atas iaitu: "...Bagi mereka (*huffaz mutaqaddimin*) setiap *hadith* memiliki kritiknya yang tersendiri dan tiada padanya satu kaedah yang tertentu."<sup>45</sup>

Dari sudut pengistilahan terhadap periwayatan *al-tafarrud* yang dita'likan, pengkaji dapati mereka tidak terikat dengan istilah yang khusus. Justeru adakalanya mereka menggunakan istilah *khata'*, *munkar*, *ghayr mahfuz*, *la yutaba' alayhi*, *gharib* dan seumpama dengannya.

Contoh penta'lian sarjana *mutaqaddimin* terhadap periwayatan *al-tafarrud* berdasarkan kepada *qarinah* adalah seperti sepotong *hadith* yang diriwayatkan melalui sanad Muhammad bin 'Abd Allah bin al-Hasan dari Abu Zinad dari al-A'raj dari Abu Hurayrah RA dari Nabi SAW bersabda:

إِذَا سَجَدَ أَحَدُكُمْ فَلَا يَزُكُّ كَمَا يَزُكُّ الْبَعِيرُ ، وَلْيَضَعْ يَدَيْهِ ثُمَّ رُكِبَتْهُ <sup>46</sup>

<sup>42</sup> Menurut Ibn Hajar (m. 852 H) tingkatan *ta'dil* yang paling tinggi adalah sifat yang menunjukkan kepada *al-mubalaghah* iaitu seperti *awthaq al-nas*, *athbat al-nas*, *ilayh al-muntaha fi al-tathabbut*, Kemudian dikuatkan dengan satu sifat lain yang menunjukkan kepada *ta'dil* atau dua sifat seperti istilah *thiqah thiqah*, *thabat thabat*, *thiqah hafiz*...istilah yang paling ringan adalah seperti *syekh*, *yurwa hadithuhu*...Lihat perbincangan ini dalam Ibn Hajar (2000), *Syarh al-Nukbah Nuzhah al-Nazar fi Tawdih Nukhbah al-Fikar fi Mustalah Ahl al-Athar* tahqiq Nur al-Din 'Itr, c. 3. Damsyik: Matba'ah al-Sibah, h. 136-137; Lihat juga Ibn Hajar (2012), *Taqrib al-Tahdhib* tahqiq Muhammad 'Awwamah, c. 9, Jeddah: Dar al-Minhaj, h. 51.

<sup>43</sup> Al-Dhahabi (2015), *Al-Muqizah fi 'Ilm al-Mustalah al-Hadith* tahqiq 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah, c. 8, Kaerah: Dar al-Salam, h. 77.

<sup>44</sup> Husyaym bin Basyir disifatkan sebagai *thiqah* oleh al-Nasa'i (m. 303 H) dan pada masa yang sama beliau juga turut disifatkan sebagai seorang *mudallis*. Hafis bin Ghiyath juga merupakan seorang perawi yang *thiqah* tetapi juga disifatkan sebagai *mudallis* oleh *nuqqad* seperti Ahmad (m. 241 H) dan al-Daraqutni (m. 385 H). Di samping itu hafalannya juga berlaku sedikit perubahan ketika di akhir umurnya. Lihat Ibn Hajar (t.t.), *Tabaqat al-Mudallis* *Ta'rif Ahl al-Taqdis bi Maratib al-Mawsufin bi al-Tadlis* tahqiq 'Asim bin 'Abd Allah, c. 1, Jordan: Maktabah al-Mannar, no. Perawi: 111, h. 47 / no. Perawi: 9, h. 20 ; Lihat juga Ibn Hajar (2012), *Taqrib al-Tahdhib*, no. Perawi: 7312, h. 603 / no. Perawi: 1430, h. 211.

<sup>45</sup> Ibn Rajab al-Hanbali (2014), *Syarh 'Ilal al-Tirmidhi*, j. 1, h. 352-353.

<sup>46</sup> Abu Dawud (2000), *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif Kutub al-Sittah, Sunan Abi Dawud bi Isyraf wa Muraja'ah Salih bin 'Abd al-'Aziz bin Muhammad Ibrahim Alu Syaykh, Kitab al-Salah, Bab Kayfa Yada' Rukbatayh Qabla Yadayh*, c. 3. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nasyr wa al-Tawzi', no. Hadith: 540, h. 1285.

Maksudnya: “Apabila antara kalian ingin sujud maka janganlah turun seperti turunnya unta, maka hendaklah meletakkan kedua tangan dahulu kemudian barulah kedua lututnya.”

Perawi yang bernama Muhammad bin ‘Abd Allah bin al-Hasan telah bertafarrud dalam meriwayatkan hadith ini dari Abu Zinad.<sup>47</sup> Sehubungan daripada itu, didapati bahawa beberapa sarjana *mutaqaddimin* seperti al-Bukhari (m. 254 H), al-Tirmidhi (m. 279 H) dan al-Daraqutni (m. 285 H) telah menta’lilkannya<sup>48</sup> kerana mengambil kira beberapa *qarinah* yang menunjukkan kesilapan dari perawi yang bertafarrud. Antara *qarinah* tersebut adalah kedudukan Muhammad bin ‘Abd Allah bin al-Hasan itu sendiri yang bukan dari kalangan murid kanan Abu Zinad dan beliau merupakan seorang yang dikategorikan sebagai *muqillin* dalam periwayatan hadith dan suka hidup secara bersendirian.<sup>49</sup> Merujuk kepada dua keadaan di atas sudah pasti *al-tafarrud* Muhammad bin ‘Abd Allah bin al-Hasan dari Abu Zinad menimbulkan keraguan. Ini kerana tidak mungkin seorang yang bukan murid kanan seseorang guru, tidak masyhur dalam periwayatan dan suka hidup bersendirian boleh meriwayatkan sesuatu hadith yang tidak diriwayatkan oleh perawi-perawi lain termasuklah murid kanan guru itu sendiri. Justeru keadaan ini menjadi *qarinah* yang kuat untuk membuktikan kesilapan Muhammad bin ‘Abd Allah bin al-Hasan dalam periwayatan ini. Malah lebih jelas kesilapan ini apabila menelusuri pula kedudukan Abu Zinad itu sendiri yang merupakan seorang *fuqaha’ Madinah* yang terkenal dan hadith-hadithnya tersebar luas dalam kalangan perawi-perawi yang masyhur.<sup>50</sup> Dalam keadaan Abu Zinad seperti ini agak mustahil hanya Muhammad bin ‘Abd Allah bin al-Hasan yang memiliki sifat-sifat seperti yang dinyatakan di atas bertafarrud meriwayatkan hadith ini darinya.

#### MANHAJ PENTA‘LILAN MUTA‘AKHKHIRIN

Manhaj penta’lilan sarjana *muta’akhkhirin* adalah berbeza dengan manhaj *mutaqaddimin* yang telah dibahasakan di atas. Hal yang demikian kerana penta’lilan *muta’akhkhirin* terhadap elemen *al-tafarrud* adalah berdasarkan kepada kedudukan perawi dan keadaan periwayatan tersebut sama ada berlaku *al-mukhalafah* dengan perawi lain ataupun tidak. Manhaj ini boleh dibuktikan melalui kenyataan beberapa sarjana yang beraliran *muta’akhkhirin* iaitu antaranya seperti Ibn Hazm (m. 456 H) dan Ibn al-Salah (m. 643 H).

Ibn Hazm di dalam *al-Ihkam fi usul al-Ahkam* menyatakan seperti berikut:

“...apabila seorang perawi ‘adil telah meriwayatkan satu khabar dari perawi lain sepertinya (perawi ‘adil lain), maka wajib mengambilnya sebagai hujah dan perlu mentaatinya secara qat’i sekalipun terdapat sanad lain meriwayatkannya secara mursal atau secara mawquf, atau melalui para pendusta lain, atau diriwayatkan melalui jalan yang lain atau hanya diriwayatkan melalui jalan itu sahaja (al-tafarrud), atau sama ada perawinya dari seorang hamba atau wanita atau selain mereka. Sesungguhnya syarat (diterima khabar) adalah al-‘adalah dan al-tafaqquh. Alangkah ganjilnya kaum yang mendakwa menerima khabar al-wahid, tetapi menta’lilkan riwayat sahih yang bertentangan dengan mazhab mereka dengan alasan: “hadith ini tidak diriwayatkan kecuali fulan, tidak diketahui makhraj hadith ini kecuali melalui jalan ini.” Berkata Abu Muhammad: “Pendirian ini merupakan satu kejahatan dan penyelewengan yang melampau kerana mereka telah sepakat dengan kami tentang wajibnya menerima dan mengambil khabar al-Wahid, kemudian menjadi kebiasaan mereka menta’lilkan sunnah dengan alasan khabar al-wahid. Lebih menghairankan mereka mengambilnya mengikut selera mereka. Sedangkan Muhammad

<sup>47</sup> Al-Bukhari, Abu ‘Abd Allah Isma‘il bin Ibrahim (t.t.), *Kitab al-Tarikh al-Kabir*, j. 1, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, no. Perawi: 418, h. 139; Al-Tirmidhi (2000), *Mawsu‘ah al-Hadith al-Syarif Kutub al-Sittah, Jami‘ al-Tirmidhi, Kitab al-Salah, Bab Ma Ja’a fi Wad’i al-Rukbatayn Qabl al-Yadayn fi al-Sujud*, no. Hadith: 269, h. 1665.

<sup>48</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah (t.t.), *Zad al-Ma‘ad fi Hady Khayr al-‘Ibad* tahqiq Muhammad ‘Abd al-Mun‘im, Kaherah: Dar al-Bayan al-‘Arabi, j. 1, h. 94.

<sup>49</sup> Hamzah ‘Abd Allah al-Malibari (2001), *Al-Muwazanah Bayna al-Mutaqaddimin wa al-Mutakhirin fi Tashih al-Ahadith wa Ta’lilaha*, h. 129.

<sup>50</sup> Nama beliau adalah ‘Abd Allah bin Zakwan al-Qurasyi. Lebih dikenali dengan gelaran Abu al-Zinad. Seorang *thiqah* lagi *faqih*. Meninggal pada tahun 130 H. Lihat *Ibid*; Ibn Hajar (2012), *Taqrib al-Tahdhib*, no. Perawi: 3302, h. 336.



bin Muslim al-Zuhri bertafarrud dari Nabi SAW sebanyak 90 buah hadith dan tidak meriwayatkannya walaupun seorang perawi...<sup>51</sup>

Ibn al-Salah (m. 643 H) pula di dalam *Ma'rifah Anwa' 'Ilm al-Hadith* menyatakan seperti berikut: “Apabila seorang perawi bertafarrud dengan sesuatu maka dilihat terlebih dahulu. Sekiranya periwayatan al-tafarrud tersebut berlaku al-mukhalafah dengan perawi yang lebih *thiqah* darinya dari sudut al-dabt maka periwayatan al-tafarrud itu menjadi syadh dan ditolak. Sekiranya tidak berlaku al-mukhalafah (semata-mata al-tafarrud), maka dilihat pada keadaan perawi yang bertafarrud, sekiranya dia seorang ‘adil, hafiz dan dipercayai ketekunan dan kedabitannya, maka diterima dan tidak mencacatkan al-tafarrud darinya...sekiranya kedudukan perawi yang bertafarrud tidak jauh dari kedudukan hafiz dan dabit maka diterima al-tafarrud darinya dan hadithnya menjadi hasan. Ianya tidak akan jadi hadith da‘if. Sekiranya jauh daripada itu (da‘if) maka kami tolak al-tafarrud darinya dan ianya menjadi syadh lagi munkar.”<sup>52</sup>

Dua tokoh di atas merupakan antara tokoh yang sangat berpengaruh dalam aliran *muta'akhhirin* khususnya Ibn al-Salah dan karyanya *Ma'rifah Anwa' 'Ilm al-Hadith*. Setelah meneliti dua nukilan di atas didapati kedua-duanya menyatakan pendirian dan manhaj yang sama dalam menilai periwayatan *al-tafarrud*. Manhaj ini mengisyaratkan bahawa kedudukan perawi dan keadaan riwayat sama ada bermukhalafah atau tidak adalah indikator utama penilaian mereka. Sehubungan itu setiap perawi yang berada pada kedudukan *maqbul* sama ada *thiqah* atau *saduuq* apabila meriwayatkan sesuatu hadith secara *al-tafarrud* dan tidak berlaku *al-mukhalafah* dengan perawi yang lebih ramai atau lebih *thiqah* darinya maka riwayat tersebut menjadi *sahih* atau *hasan*. Sekiranya berlaku sebaliknya iaitu diriwayatkan oleh perawi *da'if* atau berlaku *al-mukhalafah* dengan perawi lain yang lebih ramai atau lebih *thiqah* darinya maka periwayatan tersebut akan dita'likan oleh mereka. Pandangannya ini kemudiannya diikuti oleh ramai sarjana lain selepas daripada mereka iaitu antaranya seperti al-Nawawi (m. 676 H) dan ramai lagi.<sup>53</sup> Merujuk pula kepada penggunaan istilah yang dipraktikkan oleh mereka ketika menta'likan periwayatan seperti ini didapati mereka lebih selesa dengan istilah-istilah yang khusus iaitu seperti *syadh* dan *munkar*.<sup>54</sup>

Contoh penta'likan mereka terhadap periwayatan *al-tafarrud* adalah seperti sepotong hadith yang diriwayatkan melalui sanad Abu Zukayr Yahya bin Muhammad bin Qays dari Hisyam bin 'Urwah dari ayahnya dari A'isyah RA, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda:

كَلُوا الْبَلْحَ بِالْتَمَرِ فَإِنَّ الشَّيْطَانَ إِذَا رَأَى ذَلِكَ غَاظَهُ وَيَقُولُ عَاشَ بَنُ آدَمَ حَتَّى أَكَلَ الْجَدِيدَ بِالْخَلْقِ<sup>55</sup>

Maksudnya: Makanlah *al-balh* (kurma segar) bersama tamar. Sesungguhnya syaitan apabila melihat demikian akan marah seraya berkata: Telah hidup anak Adam sehingga dia makan sesuatu yang baru bersama sesuatu yang lama.

Ibn al-Salah menjelaskan bahawa Abu Zukayr telah bertafarrud dalam meriwayatkan hadith ini dari Hisyam bin 'Urwah dan beliau merupakan seorang *syekh salih*.<sup>56</sup> Menurut Ibn Hajar (m. 852 H) *syekh*

<sup>51</sup> Ibn Hazm, Abu Muhammad 'Ali bin Ahmad bin Sa'id (1983), *Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam* tahqiq Ahmad Muhammad Syakir, j. 1, Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah, h. 140-141.

<sup>52</sup> Ibn al-Salah (2002), *Ma'rifah Anwa' 'Ilm al-Hadith*, h. 167.

<sup>53</sup> Al-Nawawi (1985), *Al-Taqrīb wa al-Taysir li Ma'rifah Sunan al-Basyir al-Nadhir* tahqiq Muhammad 'Uthman al-Khasyt, c. 1, Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi, h. 40.

<sup>54</sup> Ibn al-Salah tidak membezakan antara hadith *syadh* dan *munkar*. Namun begitu Ibn Hajar (m. 852 H) membezakan di antara kedua istilah ini. Lihat Ibn al-Salah (2002), *Ma'rifah Anwa' 'Ilm al-Hadith*, h. 168/h. 170; Ibn Hajar (2000), *Syarh al-Nukbah Nuzhah al-Nazar fi Tawdih Nukhbah al-Fikar fi Mustalah Ahl al-Athar*, h. 71-72.

<sup>55</sup> Ibn Majah (2000), *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif Kutub al-Sittah, Sunan Ibn Majah bi Isyraf wa Muraja'ah Salih bin 'Abd al-'Aziz bin Muhammad Ibrahim Alu Syaykh, Kitab al-At'imah, Bab Akala al-Balh bi al-Tamr*, c. 3. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nasyr wa al-Tawzi', no. Hadith: 3330, h. 2687.

<sup>56</sup> Ibn al-Salah (2002), *Ma'rifah Anwa' 'Ilm al-Hadith*, h. 172-173; Abu Ya'la al-Khalili bin 'Abd Allah bin Ahmad bin Khalil al-Khalili al-Qazwayni (t.t.), *Kitab al-Irsyad fi Ma'rifah 'Ulama' al-Hadith* tahqiq Muhammad Sa'id bin 'Umar Idris, Riyadh: Maktabah al-Rusyd, h. 169.

*salih* yang dimaksudkan di sini adalah pada agamanya dan bukan pada hadithnya.<sup>57</sup> Adapun pada hadithnya dia merupakan seorang perawi yang lemah dan disifatkan oleh Ibn Hajar sebagai *sadug yukhti' kathiran*.<sup>58</sup> Sehubungan dari keda'ifan Abu Zukayr maka Ibn al-Salah menegaskan bahawa *al-tafarrud* darinya tidak boleh diterima.<sup>59</sup>

## PENUTUP

*Al-tafarrud* menjadi antara perbincangan yang dititikberatkan oleh sarjana hadith kerana mempunyai hubungan yang sangat erat dengan *'ilal al-hadith*. Meskipun periwayatan hadith secara *tafarrud* bukanlah menunjukkan wujudnya *'illah* dalam hadith secara mutlak, namun ia menjadi satu *qarinah* untuk mengenalpasti kecacatan yang mungkin terdapat dalam sesebuah hadith.

Dalam persoalan *penta'ilan* riwayat hadith secara *tafarrud* didapati bahawa manhaj aliran *mutaqaddimin* memperhalusi setiap periwayatan tersebut secara menyeluruh bagi mengenalpasti *qarinah-qarinah* yang terdapat di dalamnya. Manakala manhaj aliran *muta'akhhirin* pula dilihat lebih selesa dengan meneliti keadaan sanad dan matan secara lahiriyah tanpa mengaitkan dengan *qarinah-qarinah* yang mungkin wujud di dalam periwayatan tersebut. Justeru setiap pengkaji, khususnya mereka yang berkecimpung di dalam bidang kritikan hadith sewajarnya mengambil perhatian terhadap perbezaan seperti ini agar tidak berlaku kecelaruan dalam memahami perkataan-perkataan para sarjana dari dua aliran ini.

## RUJUKAN

Abu al-Husayn, Ahmad bin Faris bin Zakariyya. (t.t.). *Maqayis al-Lughah*. tahqiq: 'Abd al-Salam Muhammad Harun.,T.T: Dar al-Fikr.

Abu Dawud, Sulayman bin al-Asy'ath. (2000). *Mawsu'ah al-Hadith al-Syarif Kutub al-Sittah, Sunan Abi Dawud bi Isyraf wa Muraja'ah Salih bin 'Abd al-'Aziz bin Muhammad Ibrahim Alu Syaykh*. c. 3. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nasyr wa al-Tawzi'.

Abu Ya'la, al-Khalili bin 'Abd Allah bin Ahmad bin Khalil al-Qazwini. (t.t.). *Kitab al-Irsyad fi Ma'rifah 'Ulama' al-Hadith*. tahqiq: Muhammad Sa'id bin 'Umar Idris, Riyadh: Maktabah al-Rusyd.

al-'Ayid, Ahmad et.al. (t.t), *Al-Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*. T.T: *Munazzamah al-'Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah wa al-'Ulum*.

Al-Asybili, Abu Muhammad 'Abd al-Haq. (1995). *Al-Ahkam al-Wusta min Hadith al-Nabi Salla Allah 'alayhi wa Sallam*. tahqiq: Hamdi al-Silafi et.al, j. 4, Riyadh: Maktabah al-Rusyd.

Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il bin Ibrahim. (t.t.). *Kitab al-Tarikh al-Kabir*. j. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Dhahabi, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman. (2015). *Al-Muqizah fi 'Ilm al-Mustalah al-Hadith*. tahqiq: 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah. c. 8. Kaherah: Dar al-Salam.

Al-Dhahabi, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman. (t.t.). *Mizan al-'I'tidal fi Naqd al-Rijal*. tahqiq: 'Ali Muhammad al-Bajawi. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Al-Fahd, Nasir Hamad. (2001). *Manhaj al-Mutaqaddimin fi al-Tadlis*. c. 1, Riyadh: Adwa' al-Salaf.

---

<sup>57</sup> Ibn Hajar al-'Asqalani (1994), *Al-Nukat 'ala Kitab Ibn al-Salah*, h. 680.

<sup>58</sup> Nama beliau adalah Yahya bin Muhammad bin Qays al-Muharibi al-Darir dan dipanggil dengan gelaran Abu Zukayr. Menetap di Basrah. Ibn Hajar (2012), *Taqrib al-Tahdhib*, no. Perawi: 7639, h. 627.

<sup>59</sup> Ibn al-Salah (2002), *Ma'rifah Anwa' 'Ilm al-Hadith*, h. 172-173.

Al-Ghawri, Sayyid ‘Abd al-Majid. (2007). *Mu‘jam al-Mustalahat al-Hadithiyah*. c. 1, Beirut: Dar Ibn Kathir.

Hamam, ‘Abd al-Jawad. (2008), *Al-Tafarrud fi Riwayah al-Hadith wa Manhaj al-Muhaddithin fi Qabulihi aw Raddihi (Dirasah Ta’siliyyah Tatbiqiyah)*. c.1. Damsyiq: Dar al-Nawadir.

Al-Hasani, Al-Harith bin ‘Ali. (t.t.). *Muntaqa al-Alfaz bi Taqrib ‘Ulum al-Hadith li al-Huffaz*. c. 2. T.T: Maktabah Dar al-Bayan.

Ibn al-Salah, Abu ‘Amr ‘Uthman bin ‘Abd al-Rahman al-Syahrhiri. (2002). *Ma‘rifah Anwa‘ ‘Ilm al-Hadith*. tahqiq: ‘Abd al-Latif al-Hamim & Mahir Yasin al-Fahl. c. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibn Hajar, Abu al-Fadl Ahmad bin ‘Ali bin Muhammad. (2012), *Taqrib al-Tahdhib*. tahqiq: Muhammad ‘Awwamah. c. 9. Jeddah: Dar al-Minhaj.

Ibn Hajar, Abu al-Fadl Ahmad bin ‘Ali bin Muhammad. (t.t.). *Tabaqat al-Mudallisun Ta‘rif Ahl al-Taqdis bi Maratib al-Mawsufin bi al-Tadlis*. tahqiq: ‘Asim bin ‘Abd Allah. c. 1. Jordan: Maktabah al-Mannar.

Ibn Hajar, Abu al-Fadl Ahmad bin ‘Ali bin Muhammad. (1994), *Al-Nukat ‘ala Kitab Ibn al-Salah*. tahqiq: Rabi‘ bin Hadi. c. 3. Riyadh: Dar al-Rayah.

Ibn Hajar, Abu al-Fadl Ahmad bin ‘Ali bin Muhammad. (2000). *Syarh al-Nukhbah Nuzhah al-Nazar fi Tawdih Nukhbah al-Fikar fi Mustalah Ahl al-Athar*. tahqiq: Nur al-Din ‘Itr. c. 3. Damsyik: Matba‘ah al-Sibah.

Ibn Hazm, Abu Muhammad ‘Ali bin Ahmad bin Sa‘id. (1983). *Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. tahqiq: Ahmad Muhammad Syakir. j. 1. Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.

Ibn Majah, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwini. (2000). *Mawsu‘ah al-Hadith al-Syarif Kutub al-Sittah, Sunan Ibn Majah bi Isyraf wa Muraja‘ah Salih bin ‘Abd al-‘Aziz bin Muhammad Ibrahim Alu Syaykh*. c. 3. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nasyir wa al-Tawzi‘.

Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram bin ‘Ali (t.t.). *Lisan al-‘Arab*. tahqiq: ‘Abd Allah ‘Ali al-Kabir. et.al., Kaherah: Dar al-Ma‘arif.

Ibn Qayyim, Syams al-Din Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Abu Bakr al-Jawziyyah. (t.t.). *Zad al-Ma‘ad fi Hady Khayr al-‘Ibad*. tahqiq: Muhammad ‘Abd al-Mun‘im, Kaherah: Dar al-Bayan al-‘Arabi.

Ibn Rajab, Zayn al-Din Abu al-Farj ‘Abd al-Rahman bin Ahmad al-Hanbali. (2014), *Syarh ‘Ilal al-Tirmidhi*. tahqiq: Nur al-Din ‘It., c. 2. j. 1. Kaherah: Dar al-Salam.

Ibrahim bin ‘Abd Allah al-Lahim. (t.t.). *Muqaranah al-Marwiyyat*. c. 1. j. 1. Beirut: Mu‘assasah al-Rayyan.

‘Iwad Allah, Tariq. (2017). *Syarh al-Alfiyah al-Hadithiyah al-Musammah bi Lughah al-Muhaddith al-Kubra*. c. 1. j. 2. Kaherah: Dar Ibn ‘Affan.

Al-Juday‘, ‘Abd Allah bin Yusuf. (2003). *Tahrir ‘Ulum al-Hadith*. c. 1. Beirut: Mu‘assasah al-Rayyan.  
Al-Kattani, Muhammad bin Ja‘far. (1993). *al-Risalah al-Mustatrafah li Bayan Masyhur Kutub al-Sunnah al-Musyarrifah*. tahqiq: Muhammad al-Muntasir bin Muhammad al-Zamzami. c.5. Beirut: Dar al-Basya‘ir al-Islamiyah.

Al-Khalil, Ahmad bin Muhammad. (2008). *Mustadrak al-Ta‘lil ‘ala Irwa‘ al-Ghalil*. c. 1, T.T.P: Dar Ibn al-Jawzi.

Al-Malyabari, Hamzah ‘Abd Allah. (2001). *Al-Muwazanah Bayna al-Mutaqaddimin wa al-Mutakhirin fi Tashih al-Ahadith wa Ta’liliha*. c. 2. Beirut: Dar Ibn Hazm.

Al-Malyabari, Hamzah ‘Abd Allah. (2003). *Nazarat Jadidah fi ‘Ulum al-Hadith*. c. 2. Beirut: Dar Ibn Hazm.

Al-Muhammadi, ‘Abd al-Qadir Mustafa ‘Abd al-Razzaq. (2005). *Al-Syadh wa Munkar wa Ziyadah al-Thiqah Muwazanah bayn al-Mutaqaddimin wa Muta’akhhirin*. c. 1. Beirut: Dar al-Kutub ‘Ilmiyyah.

Al-Nawawi, Abu Zakariya Yahya bin Syaraf. (1985). *Al-Taqrif wa al-Taysir li Ma’rifah Sunan al-Basyir al-Nadhir*. tahqiq: Muhammad ‘Uthman al-Khasyt. c. 1. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi.

Al-Raghib al-Asfahani, Abu al-Qasim al-Husayn bin Muhammad. (t.t.). *Al-Mufradat fi Gharib al-Quran* tahqiq: Muhammad Sayyid Kaylani, Kitab al-Fa’, T.T.P.: T.T.

Al-Tibi, Ukasyah ‘Abd al-Manan. (1994). *Fatawa al-Syeikh al-Albani wa Muqaranatuha bi Fatawa al-‘Ulama’*. c. 1. Kaherah: Maktabah al-Turath al-Islami.

Al-Tirmidhi, Abu ‘Isa Muhammad. (2000). *Mawsu‘ah al-Hadith al-Syarif Kutub al-Sittah. Jami‘ al-Tirmidhi bi Isyraf wa Muraja‘ah Salih bin ‘Abd al-‘Aziz bin Muhammad Ibrahim Alu Syaykh*. c. 3. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nasyr wa al-Tawzi‘.

Umar Muhammad Noor, et.al, Aliran Ihya’ Manhaj Mutaqaddimin Dan Pembaharuan Wacana Kritik Hadis Moden. *HADIS: International Reviewed Academic Journal*. Vol. 6, No. 12, December 2016. h. 54.

Al-Zarkasyi, Badr al-Din Abi ‘Abd Allah Muhammad bin Jamal al-Din ‘Abd Allah bin Bahadir. (1998). *Al-Nukat ‘ala Muqaddimah Ibn al-Salah*. tahqiq: Zayn al-‘Abidin bin Muhammad. c. 1. Riyadh: Maktabah Adwa’ al-Salaf.